

**PEMBUNGKUSAN MAKANAN TRADISIONAL
DIAPLIKASIKAN KE DALAM FIBER**

Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Seni Lukis Dan Seni Reka

Institut Teknologi Mara

sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan

Ijazah Sarjana Muda Seni Lukis Dan Seni Reka

NORLIN BT. MOHAMAD

Dekan Kajian Seni Lukis Dan Seni Reka

Institut Teknologi Mara

40450 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan



PENDAHULUAN

Penulis telah memilih tajuk “Pembungkusan Makanan Tradisional Diaplikasikan Ke Dalam Fiber” untuk dijadikan sebagai tajuk kajian tesis ini. Pembungkusan makanan tradisional merupakan salah satu daripada warisan nenek moyang kita yang melambangkan identiti masyarakat tersebut. Akan tetapi ianya tidak tertumpu kepada masyarakat Melayu sahaja bahkan melibatkan masyarakat-masyarakat lain seperti masyarakat Cina, India dan lain-lain.

Kepentingan pembungkusan makanan tradisi amat ketara kerana ia turut melambangkan identiti negara kita walaupun ditunjukkan secara tidak langsung. Pembungkusan makanan tradisi menunjukkan betapa negara kita mempunyai nilai seni yang halus kerana pembungkusan tradisi ini dihasilkan melalui kreativiti.

Pembungkusan makanan tradisi ini setelah diaplikasikan ke dalam fiber akan memperlihatkan kepada kita tentang keindahan nilai-nilai estetika yang terdapat padanya. Seterusnya ia juga dapat mengingatkan kita tentang pembungkusan makanan tradisi ini yang hampir luput ditelan zaman.

Dewasa ini tidak ramai yang mengetahui cara-cara membuat makanan tradisi apatah lagi mengetahui cara-cara membungkusnya. Di zaman sains dan teknologi ini masyarakat lebih mengenali makanan segera yang mempunyai pembungkus

PENGHARGAAN

Dalam usaha menghasilkan penulisan tesis ini, penulis amat bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan izinNya, penulis telah berjaya melengkapkan tesis ini. Di sini penulis ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih terutamanya kepada penasihat penulisan tesis ini iaitu Encik Sulaiman b. Abdul Ghani yang telah memberikan beberapa peringatan dan tunjuk ajar yang penting dalam proses menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga kepada Puan Norwani Nawawi yang turut menyumbangkan nasihat-nasihat yang berguna kepada penulis.

Akhir sekali, penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam penyediaan tesis ini. Tidak lupa juga penghargaan ini ditujukan kepada keluarga tersayang yang telah memberi bantuan terutama dari aspek sokongan moral dan kewangan.

Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama bersusah payah dan saling tolong-menolong dalam penyediaan tesis masing-masing. Semoga Tuhan membala jasa-jasa kalian.

SINOPSIS

Penulisan tesis ini bertujuan untuk mengkaji dan menilai dari aspek bentuk, warna dan bahan terutamanya, tentang keindahan pembungkusan makanan tradisional yang terdapat di negara ini. Akan tetapi hanya empat pilihan yang dirasakan terbaik dan mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tersendiri sahaja yang diberi penekanan di dalam isi kandungan tesis ini yang seterusnya dijadikan bahan kajian untuk projek bagi semester 07 ini.

Memandangkan tidak terdapat banyak buku yang membincangkan tentang tajuk pembungkusan makanan tradisional ini, penulis cuba mencari seberapa banyak maklumat yang boleh melalui pengambilan gambar-gambar, kajiselidik di perpustakaan dan sebagainya.

Penulisan tesis ini juga akan mengungkap cara-cara penghasilan projek-projek bagi semester 07 ini secara terperinci yang berdasarkan daripada pengkajian terhadap pembungkusan makanan tradisional.

Dalam bab pertama, penulis memberikan penerangan dari segi sejarah dan perkara-perkara yang sepatutnya diberi penjelasan dan mempunyai kaitan dengan pembungkusan makanan tradisional. Melalui kajiselidik yang dilakukan dapatlah pembungkusan makanan tradisional ini dikupas isinya dengan lebih meluas lagi. Penerangan tentang jenis, bahan yang membungkus, bentuk yang terhasil dan

JADUAL ISI KANDUNGAN

Halaman Pemeriksa
Pendahuluan
Penghargaan
Sinopsis
Metodologi

BAB 1

- 1.0 Pengenalan
- 1.1 Pembungkusan Makanan Tradisional Melayu
- 1.2 Sejarah Pembungkusan
- 1.3 Pembungkusan Tradisi Jepun
- 1.4 Pemilihan Pembungkusan Tradisional Sebagai Bahan Kajian

BAB 2

- 2.0 Cara Mendalami Bahan Kajian
- 2.1 Proses Mendapatkan Bahan Untuk Kajiselidik
 - 2.1.1 Bahan-Bahan Bertulis
 - 2.1.2 Mengambil Gambar
 - 2.1.3 Mempelajari Cara-Cara Membungkus Kuih-Muih Tradisional
 - 2.1.4 Membuat Mock-Up

BAB 3

- 3.0 Perkembangan Ide
- 3.1 Proses Perkembangan Ide
 - 3.1.1 Penggunaan Bahan
 - 3.1.2 Penggunaan Warna
 - 3.1.3 Penggunaan Teknik
 - 3.1.4 Penghasilan Mock-Up
 - 3.1.5 Penentuan Saiz

BAB 4

- 4.0 Perlaksanaan Projek Semester 07
- 4.1 Proses Projek Pertama
 - 4.1.1 Kaedah Perlaksanaan Projek
 - 4.1.2 Penggunaan Warna
 - 4.1.3 Penggunaan Bahan
 - 4.1.4 Penentuan Saiz
 - 4.1.5 Teknik Tenunan